

# Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA)

---

**Siaran Akhbar  
17 Julai 2006**

## **Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam Desak Masalah Murtad Ditangani Secara Serius**

Suatu perbincangan khas di kalangan wakil-wakil NGO yang beraspirasikan Islam telah berlangsung di Gombak, pada hari Ahad 16 Julai 2006 untuk merangka sikap dan gerak kerja bersama bagi menangani pelbagai isu-isu berkaitan dengan kedudukan Islam di Malaysia. Mesyuarat tersebut memutuskan untuk menubuhkan gabungan yang dinamakan Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA) sebagai rangkaian gerak kerja bersama pertubuhan-pertubuhan tersebut.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh wakil lebih 50 buah pertubuhan beraspirasikan Islam termasuk Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Peguam Pembela Islam (PPI), Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Muslim Professional Forum (MPF), Jamaah Islah Malaysia (JIM), Teras Pengupayaan Melayu (Teras), Wadah Pencerdasan Umat (WADAH), ahli akademik, badan-badan pelajar dan lain-lain. Ia turut dihadiri oleh wakil-wakil taman perumahan, surau, masjid, para peguam, individu-individu yang mendokong aspirasi yang sama, selain para peguam yang terlibat secara langsung mengendalikan kes-kes berkenaan permohonan keluar Islam di negara ini.

Mesyuarat ini digerakkan dari keprihatinan terhadap beberapa kes-kes mahkamah yang melibatkan Islam yang telah timbul akhir-akhir ini seperti kes Muhammad Abdullah@Moorthy, Azlina Jailani (Lina Joy) dan Meor Atiqulrahman. Wujud kebimbangan dan ketidak-puasan hati yang semakin memuncak di kalangan masyarakat Islam di negara kita berkenaan dengan isu murtad serta kedudukan Islam dalam Perlembagaan dan perundangan negara.

Antara perkara penting yang diputuskan dalam mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

- Menyatakan kebimbangan yang amat serius terhadap masalah murtad di negara kita dan kesal dengan usaha berterusan pihak-pihak tertentu bertujuan menggugat kedudukan Islam di Malaysia melalui saluran perundangan.
- Menegaskan bahawa persoalan status keIslaman dan permohonan untuk keluar dari Islam adalah persoalan yang harus diadili oleh para Hakim yang memahami perundangan Islam di Mahkamah Syariah; dan bukan di Mahkamah Sivil terutama apabila ia melibatkan para Hakim bukan Islam.
- Masalah murtad perlu dipandang secara jujur dan serius oleh semua pihak terutama kerajaan. Kami percaya masalah ini boleh ditangani tanpa menimbulkan

sebarang kekecohan sekiranya ia ditangani dengan bijak. Pihak kami bersedia untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan berkaitan bagi mengatasi masalah ini.

- Menegaskan masalah murtad dan kedudukan istimewa Islam adalah perkara yang amat sensitif di kalangan umat Islam di negara ini dan memperingatkan sebarang cubaan menggugat kedudukan ini akan mengguris perasaan ramai pihak dan bakal mengganggu keharmonian dan kerukunan masyarakat berbilang bangsa.
- Menyatakan rasa kesal di atas beberapa komentar yang tidak sepatutnya dibuat dalam penghakiman kes Meor Atiqulrahman Islam mengenai Rasulullah(saw) dan sunnah memakai serban.

Mesyuarat juga telah menubuhkan jawatankuasa bertindak yang akan menjalankan gerakan menangani masalah murtad dan mengukuhkan kedudukan Islam dalam perundangan negara. Kami mengalu-alukan sumbangan semua pihak untuk menangani masalah ini dari semua sudut.

PEMBELA bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak untuk mengadakan majlis penerangan, dialog termasuk dengan bukan Islam dan pertemuan dengan pemimpin kerajaan bagi mencari penyelesaian bagi masalah murtad. Kami juga dalam proses menyediakan memorandum kepada para pemimpin kerajaan mengenai masalah murtad.

Sebarang sumbangan dan pertanyaan boleh ditujukan kepada:

Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA)  
Sekretariat Abim Pusat,  
Anjung Rahmat, Batu 6, Jalan Gombak  
53100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-6188 0300  
Faks: 03-6189 6700  
Email: [abim@po.jaring.my](mailto:abim@po.jaring.my)

**Yusri Mohamad,  
Presiden ABIM merangkap  
Pengerusi Mesyuarat**